

Program Wacana Sosial 'Utamakan Kesihatan'



Oleh: Nor Innar Md. Nor
Pegawai Tadbir

Program Wacana Sosial 'Utamakan Kesihatan' telah diadakan pada 10 Mac 2007 bertempat di Dewan Kapitol, Kangar. Program ini adalah anjuran bersama empat pusat pengajian iaitu PPKAS, PPK Komputer & Perhubungan, PPK Sistem Elektrik dan PPK Bioproses. Program ini telah dihadiri oleh pelajar-pelajar tahun dua seramai 640 orang. Program setengah hari ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor UniMAP (Akademik & Pengantarabangsaan), Prof Dr. Ali Yeon Mohd Shakaff.

Program ini merupakan salah satu daripada 'Tujuh Program Wajib' yang perlu dilalui oleh pelajar-pelajar sepanjang berada di UNIMAP. Walaupun PPKAS belum mempunyai pelajar tahun dua, namun ramai wargakerja PPKAS turut serta melibatkan diri bagi menjayakan program ini. Antara objektif program yang telah digariskan ialah menanam kesedaran sivik di kalangan para pelajar dan warga UniMAP supaya dapat melahirkan graduan yang dapat mengimbangi profesion di samping memenuhi tuntutan kesihatan dan sosial. Di samping itu juga, program ini bertujuan untuk memberikan kesedaran khususnya kepada para pelajar dan umumnya kepada warga UniMAP tentang bahaya dan bahana rokok terhadap kesihatan diri. Aktiviti yang dimuatkan dalam program ini adalah ceramah, pertandingan melukis di kalangan kanak-kanak sekolah serta kiosk pameran Unit Kesihatan Hospital Kangar dan BP Lab.